

KUANTAN, 23 NOV. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGGESA KESATUAN-KESATUAN GURU MENERBITKAN MAJALLAH PERGURUAN UNTUK MENJADI SUATU FORAM BAGI GURU-GURU BERBINCANG CARA-CARA MEMAJUKAN PELAJARAN DAN PERKHIDMAOAN YANG LEBIH BAIK.

PENERBITAN ITU JUGA MEMBOLEHKAN IBU-BAPA MENGIKUTI PERKEMBANGAN PELAJARAN DARI SEMASA KE SEMASA.

BELIAU MENEGASKAN, ADALAH TUGAS KESATUAN GURU-GURU MEMBERI PENERANGAN KEPADA IBU-BAPA SUPAYA MEREKA DAPAT MENGIKUTI PERKEMBANGAN DI BIDANG PELAJARAN DENGAN LEBIH JELAS KHUSUSNYA KEMAJUAN PELAJARAN ANAK-ANAK MEREKA.

MAJALLAH TERSEBUT BOLEH BERBENTUK AKHBAR MINGGUAN ATAU BULANAN DENGAN HARGA YANG MURAH DAN SENANG DIDAPATI OLEH GURU-GURU DAN ORANGRAMAI.

DR. MAHATHIR BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN KE-12 KESATUAN KEBANGSAAN GURU-GURU LEPASAN MAKTAB PUSAT LATIHAN HARIAN SEMENANJUNG MALAYSIA DI SINI PETANG INI. -- BERSAMBUNG 1737/ZCM

601:

MAHATHIR - MAJALAH 2 KUANTAN

BELIAU MENGGESA PARA PEMIMPIN KESATUAN GURU MENGGABUNGAN KESATUAN-KESATUAN MEREKA MENJADI SEBUAH BADAN YANG LEBIH BESAR SUPAYA MASALAH MEREKA DAPAT DISELESAIKAN DENGAN LEBIH MUDAH DAN BERKESAN.

MEREKA TIDAK PERLU MENUBUHKAN TERLALU BANYAK KESATUAN HINGGA TERDAPAT TUNTUTAN-TUNTUTAN MENGENAI PERKARA-PERKARA YANG SAMA.

BELIAU MENSIFATKAN GURU-GURU YANG BERSIKAP NEGATIF SEBAGAI PENYAKIT BARAH DI SESEBUAH SEKOLAH ITU.

KATANYA, MASYARAKAT, TERUTAMA IBUBAPA BERHAK MENDAPAT HASIL YANG SETIMPAL DENGAN WANG YANG DIKELUARKAN UNTUK MEMBAYAR GAJI GURU-GURU. -- BERNAMA 1830/A1